

**NO. SOALAN : 45**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS,  
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' AARON AGO ANAK DAGANG  
[ KANOWIT]**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**YB Datuk Aaron Ago Anak Dagang [ Kanowit ] minta PERDANA MENTERI menyatakan kesan positif dan negatif ke atas pelbagai bantuan dan program Kerajaan seperti pemberian mikro kredit, program 1AZAM, pemberian subsidi pertanian dan nelayan, dan lain-lain lagi bantuan Kerajaan bagi mengatasi masalah kemiskinan di negara ini.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Terdapat pelbagai kesan positif daripada usaha berterusan Kerajaan untuk mengatasi masalah kemiskinan di negara ini yang dilaksanakan melalui pelbagai program dan bantuan. Antara kesan positif utama sosioekonomi adalah seperti berikut:

- (i) Penurunan kadar keseluruhan kemiskinan daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 0.6 peratus pada tahun 2014;
- (ii) Miskin tegar pula hampir terbasmi sepenuhnya di mana kadar keseluruhan miskin tegar berkurang daripada 6.9 peratus (1984) kepada hanya 0.1 peratus (2014);
- (iii) Peningkatan pendapatan bulanan purata isi rumah daripada RM264 (1970) kepada RM6,141 (2014) dari segi nominal; dan
- (iv) Pengurangan jurang pendapatan – Pekali Gini menurun daripada 0.513 (1970) kepada 0.401 (2014).

Antara kesan positif lain adalah seperti berikut:

- (i) peningkatan kapasiti sumber manusia melalui pendidikan, latihan kemahiran dan keusahawanan yang membolehkan isi rumah miskin meningkatkan pendapatan dan meluaskan sumber pendapatan mereka;

- (ii) perubahan minda dan peningkatan keyakinan diri masyarakat, khususnya ketua keluarga, berhubung potensi dan peluang mereka dalam memajukan sosio-ekonomi keluarga masing-masing;
- (iii) pengukuhan sosial di mana rakyat yang dahulunya miskin dan dipandang rendah kini hidup berdikari dan lebih bermaruah serta dapat memainkan peranan aktif dalam masyarakat;
- (iv) peningkatan kualiti hidup isi rumah dari segi perumahan, pendidikan, kesihatan, pengangkutan, kemudahan bekalan air, elektrik dan komunikasi; dan
- (v) pembinaan kemampuan isi rumah miskin untuk mengumpul harta dari segi aset kewangan dan bukan kewangan.

Namun begitu, tidak dinafikan terdapat juga kesan negatif atau cabaran daripada pelbagai bantuan dan program untuk membasmi kemiskinan yang dijalankan oleh Kerajaan. Antaranya ialah penggantungan berterusan segelintir masyarakat kepada bantuan Kerajaan tanpa mahu berusaha untuk berdikari dan penyalahgunaan bantuan seperti peralatan atau kemudahan premis untuk membuat keuntungan mudah.

Dalam hubungan ini, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi mengatasi kesan-kesan negatif tersebut seperti:

- (i) memperkenalkan dasar penamatan (*exit policy*) bantuan kerajaan;
- (ii) menambah baik mekanisme sasaran (*targeting mechanism*) dalam mengenal pasti penerima bantuan yang layak; dan

(iii) menyenaraihitamkan mereka yang menyalahgunakan bantuan atau yang tidak layak menerima bantuan.

Sebagai kesimpulannya, kesan positif adalah lebih besar dan lebih banyak berbanding dengan kesan negatif.

Sekian, terima kasih.